

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 JANUARI 2016 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Cyber Security training for rural folk	The Star
2	Cuaca kering berlarutan hingga Mac	Harian Metro
3	El-Nino: Tiada cuaca berbahaya diramal	Utusan Malaysia
4	Harga sayur lebih murah ekoran El Nino	Utusan Malaysia
5	Perlis catat suhu tertinggi	Kosmo

Cyber security training for rural folk

Ministry: It is a means to earn a living

By QISHIN TARIQ
qishin.tariq@thestar.com.my

JENGKA: Cyber security is being taught to rural folks as a means to make a living under a programme by the Ministry of Science, Technology and Innovation.

Mosti secretary-general Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur said participants in the *Ops Jelajah Cyber 2.0* training will become aware and self-reliant in dealing with cyber security.

A group of 40 trainees, including students from the nearby Mara college, were selected for the two-day course.

Dr Noorul Ainur said slow or limited internet connectivity in rural communities would not affect the pro-

gramme: "As the training is just a matter of getting to know how to use the hardware."

The course by CyberSecurity Malaysia included data recovery, data sanitisation along with entrepreneurship training on how to earn income with these skills.

Data recovery is the process of retrieving information that may otherwise be lost in damaged computers or hard drives, while data sanitisation is the practice of completely removing any traces of info on devices.

Pahang Women and Family Development, Communications and Multimedia Committee chairman Datuk Shahaniza Shamsuddin said that these skills were invaluable especially in the aftermath of floods

where lots of computers were damaged.

"Imagine losing important documents or family photos.

"This training can help prevent unnecessary heartache," Shahaniza said.

She added that knowing how to remove sensitive information from mobile phones and computers were also useful skills especially if these items are resold.

"The last thing you want is to leave embarrassing photos or private messages for the new owners to read," she quipped.

Shahaniza said participants would be able to offer these services to people in their communities and save them the journey of travelling to larger towns to seek help.

Cuaca kering berlarutan hingga Mac

Kuala Lumpur: Cuaca panas dan kering di seluruh Semenanjung dijangka berlarutan sehingga Mac depan berikutan pengurangan jumlah hujan antara 20 hingga 60 peratus bagi suku pertama tahun ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Madius Tangau dalam satu kenyataan berkata, keadaan sama turut dijangka berlaku di Sabah membabitkan bahagian Limbang dan Sarawak iaitu di Miri.

"Fenomena ini berlaku disebabkan kejadian fenomena El Nino kuat yang berlaku dan dijangka berterusan sehingga suku pertama tahun ini.

"Susulan fenomena El Nino ini menyebabkan pengurangan jumlah hujan dan kenaikan suhu sekitar 0.5 darjah Celsius hingga 2.0 darjah Celsius berbanding suhu biasa," katanya dalam kenyataan itu, baru-baru ini.

Fenomena El Nino kemarau berpanjangan disebabkan pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku dalam tempoh lama di timur Lautan Pasifik.

Sepanjang tempoh itu, jumlah hujan dijangka berkurangan antara 20 peratus hingga 60 peratus dan suhu sekitar akan meningkat sebanyak 0.5 Celsius hingga 2.0 Celsius berbanding kebiasaan.

Madius berkata, Kementerian menasihatkan kepada orang ramai berjimat cermat mengguna air dan mengurangkan aktiviti luar sepanjang musim kemarau ini.

El-Nino: Tiada cuaca berbahaya diramal

KUALA LUMPUR 25 Jan. -

Tiada perubahan cuaca luar biasa selain panas dan kering akan melanda negara sepanjang tempoh fenomena El-Nino yang sedang dialami seluruh dunia termasuk Malaysia pada masa ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail berkata, meskipun peningkatan suhu paling ekstrem boleh mencapai sehingga 40 darjah Celsius, tiada sebarang fenomena alam berbahaya diramalkan setakat ini.

"Kejadian hujan ais baru-baru ini di Shah Alam juga bukan disebabkan El-Nino tetapi pemanasan suhu global yang disebabkan aktiviti-aktiviti manusia seperti kerja perindustrian dan pembakaran hutan.

"Manakala El-Nino pula adalah fenomena pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku dalam tempoh enam bulan berturut-turut setiap dua hingga empat tahun di timur Lautan Pasifik," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Fenomena El Nino yang sedang melanda dunia termasuk Malaysia dijangka mencatatkan pemanasan suhu paling tinggi bulan ini dan akan mulai reda bermula Februari.

Keadaan cuaca panas yang bermula Julai tahun lalu itu dijangka pulih sepenuhnya dan menjadi normal seperti biasa pada Jun ini.

Dalam pada itu, Che Gayah berkata, kawasan tanah tinggi akan turut mengalami peningkatan suhu seperti di tempat-tempat lain berikutan cuaca panas ketika ini.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 23
TARIKH: 26 JANUARI 2016 (SELASA)

Harga sayur lebih murah ekor El Nino

KUALA LUMPUR 25 Jan. - Pengeluaran sayur di Cameron Highlands meningkat 100 peratus sejak November tahun lalu ekoran cuaca panas terik kesan daripada fenomena El Nino, sekali gus menyebabkan harga sayur dapat dijual dengan lebih murah.

Pengerusi Pertubuhan Pengusaha Pertanian Cameron Highlands, Ng Tien Khuan berkata, berbanding tahun lalu, pengeluaran sayur hanyalah 30 hingga 40 peratus menyebabkan harga sayur mahal.

"Bermula November hingga Januari ini harga sayur kembali murah sebagai contoh sawi dijual 50 sen sekilogram berbanding RM3 tahun lalu.

"Hujan yang kerap sebelum itu menyebabkan pengeluaran sayur terbantut sekali gus menjejaskan produktiviti tanaman di sini," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas fenomena El Nino yang sedang melanda negara ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail, sebelum ini berkata, fenomena El Nino yang sedang melanda dunia termasuk Malaysia dijangka mencatatkan pema-

nasan suhu paling kuat bulan ini dan akan mulai reda bermula Februari.

Beliau berkata, El Nino yang bermula Julai tahun lalu itu dijangka pulih sepenuhnya dan menjadi normal pada Jun ini.

Bagaimanapun menurut Tien

Khuan, jika cuaca panas berterusan beberapa bulan lagi, pengeluaran tanaman juga dikhuatiri akan terjejas.

"Cuaca panas yang berpanjangan menyebabkan bekalan air berkurangan dan akan mem-

beri kesan buruk kepada tanaman," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pekebun Kecil India Cameron Highlands, P. Viswanathan, berkata, bagi memastikan tanaman sentiasa segar, semburan air dilakukan sebanyak dua kali sehari.

"Tahun lalu kita hanya lakukan sekali semburan setiap hari, namun disebabkan cuaca yang semakin panas, ditambah kepada

dua kali.

"Namun setakat ini pengeluaran sayur masih berada pada tahap yang baik. Kita berharap cuaca panas ini tidak akan mengeringkan sungai berdekatan kerana jika berlaku maka musnahlah tanaman di sini," ujarnya.



CHE GAYAH ISMAIL

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 16
TARIKH : 26 JANUARI 2016 (SELASA)

Kesan fenomena El Nino mula dirasai di utara

Perlis catat suhu tertinggi

Oleh DIYANATULATIQA ZAKARYA

KUALA LUMPUR - Negeri-negeri di utara terutama Perlis kini mencatatkan suhu purata semasa paling tinggi kesan fenomena El Nino sekali gus bakal mencetuskan gelombang haba sehingga Mac ini.

Suhu purata semasa paling tinggi yang dicatatkan oleh Perlis kini mencecah 34 darjah Celsius hingga 37 darjah Celsius.

Bagaimanapun, negeri tersebut pernah mencatatkan rekod suhu paling tinggi dalam sejarah iaitu 40.1 darjah Celsius pada tahun 1998 di Stesen Meteorologi Chuping, Perlis.

Ketua Pengarah Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail (gambar kecil) berkata, suhu purata semasa itu dijangka akan terus meningkat pada Februari dan Mac ekoran tempoh tersebut merupakan waktu kemuncak El Nino.

"Suhu maksimum yang dicatatkan di Perlis buat masa ini ialah 37 darjah Celsius dan dijangka terus meningkat antara 0.5 dar-

jah Celsius sehingga 2.0 darjah Celsius pada Februari dan Mac.

"Disebabkan itu, negeri-negeri di utara menjadi kawasan paling berpotensi menghadapi gelombang haba," kata beliau semalam.

Geombang haba ialah cuaca panas melampau yang berpunca daripada suhu meningkat dalam tempoh beberapa hari.


Kata beliau, gelombang haba akan berlaku apabila suhu maksimum melebihi 35 darjah Celsius selama lima hari berturut-turut dan 2.0 darjah Celsius melebihi purata suhu maksimum jangka panjang atau tiga hari berturut-turut suhu maksimum pada atau melebihi 37 darjah Celsius.

Dalam pada itu, Che Gayah memberitahu, suhu purata semasa negara ketika ini adalah antara 32 Celsius sehingga 35 darjah Celsius.

Terdahulu, MetMalaysia dalam satu kenyataan turut memaklumkan status terkini El Nino kuat yang berlaku menyamai fenomena pada tahun 1997 dan 1998.

Pada tahun 1997 dan 1998,

INFO Peta menunjukkan kejadian El Nino Tahun Normal



Malaysia menghadapi krisis air dan keadaan berjerebu teruk ekoran cuaca panas melampau.

El Nino adalah fenomena pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku dalam tempoh enam bulan berturut-turut setiap dua hingga empat tahun di timur Lau-

tan Pasifik.

Ia boleh menyebabkan rantaian perubahan iklim berlaku di seluruh dunia dan antara kesannya ialah hujan lebat di sesetengah kawasan sementara kawasan lain berlaku kemarau berpanjangan.

RINGKAS

Miri, Lawas, Limbang paling panas

KUCHING - Tiga lokasi di wilayah utara negeri ini iaitu Miri, Lawas dan Limbang dijangka mengalami cuaca panas dan kering akibat fenomena El Nino yang sedang berlangsung.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri, Nor Hisham Mohammad berkata, pihaknya mengenal pasti ketiga-tiga kawasan itu akan menerima kesan teruk akibat fenomena El Nino sekali gus berisiko tinggi untuk belukar dan hutan di sekitarnya terbakar.

Terengganu catat suhu 32 hingga 33 darjah Celsius

KUALA TERENGGANU - Pejabat Meteorologi Terengganu meminta orang ramai di negeri ini agar tidak panik dengan fenomena El Nino yang sedang melanda negara.

Pengarahnya, Jenawa Husin berkata, Terengganu bakal menerima peningkatan suhu antara 1.5 darjah Celsius hingga dua darjah Celsius namun ia masih terkawal.

Beliau berkata, pihaknya juga menjangkakan fenomena kemarau ini akan berlarutan sehingga Mac ini ekoran wap panas yang sentiasa bergerak.

El Nino dirasai unggas, kupu-kupu

KUALA LUMPUR - Kesan cuaca panas akibat El Nino yang sedang melanda negara bukan sahaja dirasai oleh manusia, malah unggas dan kupu-kupu di taman-taman di ibu kota turut menerima bahangnya.

Pegawai Veterinar Taman Burung Kuala Lumpur, Dr. Kartini Ahmad berkata, burung mudah terdedah terhadap tegasan haba, justeru pemantauan rapi termasuk melakukan sedikit perubahan rutin penjagaan perlu bagi memastikan kesemua unggas dan kupu-kupu di taman-taman itu tidak terjejas.

Bagi mengelak burung dalam Taman Burung mengalami tegasan haba atau peningkatan suhu secara mendadak, penyesuaian dibuat terhadap air minuman selain bekas mandian tambahan disediakan untuk keselesaan kira-kira 3,000 ekor burung daripada 200 spesies yang terdapat di taman itu.



AIR di Sungai Perlis mulai cetek semalam selepas negeri itu dilanda fenomena El Nino sejak sebulan lalu.

INFO Suhu di Malaysia

Suhu dicatat pukul 5 petang, 25 Januari 2016

C. Highlands	- 19 Celsius
Kota Bharu	- 29 Celsius
Bayan Lepas	- 30 Celsius
Chuping, Perlis	- 32 Celsius
Senai	- 30 Celsius
Ipoh	- 30 Celsius
Alor Setar	- 31 Celsius
Petaling Jaya	- 34 Celsius
Kuala Terengganu	- 30 Celsius
Melaka	- 31 Celsius
Kuching	- 29 Celsius
Kuantan	- 30 Celsius
Prai	- 34 Celsius
Kota Kinabalu	- 30 Celsius